

14/03/1999

29 syarikat kini sertai MSC

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) sudah menarik 29 syarikat antarabangsa, melebihi daripada yang dijangkakan mengikut jadualnya.

Perdana Menteri berkata, sasaran MSC adalah mendapatkan 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003.

"Saya ingin menegaskan MSC kini berkembang begitu baik. MSC bergerak jauh lebih awal daripada jadual asalnya dan kami menjangka 50 syarikat bertaraf dunia akan menyertainya menjelang 2003," katanya selepas merasmikan pejabat Bloomberg (Malaysia) Sdn Bhd, di sini, semalam.

Bloomberg adalah syarikat media yang beribu pejabat di New York.

Disebabkan pejabat cawangan Malaysia ini terletak di Menara Berkembar Petronas, di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan lingkungan kawasan MSC, pejabat itu secara langsung menerima status MSC.

(END)